



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
27 Oktober 2017**

**200 UNIT AMANAH PERCUMA UNTUK SEMUA BAYI MALAYSIA  
YANG LAHIR DALAM TAHUN 2018 - 2022**

**KUALA LUMPUR:-** Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyambut baik pembentangan Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sebentar tadi. Suatu Bajet yang amat menyeluruh, progresif dan menyentuh pelbagai aspek ekonomi, pasaran modal, keusahawanan, pendidikan, pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Pada masa yang sama mengekalkan komitmen Kerajaan untuk menguruskan kewangan secara mapan.

Sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Bajet 2018 hari ini, PNB dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50) akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2018.

Melalui ADAM50, kesemua bayi warganegara Malaysia yang dilahirkan bermula pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2022 akan menerima unit insentif percuma sebanyak 200 unit, yang akan dikreditkan secara automatik selepas proses pendaftaran dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga mereka ke dalam tabung unit amanah kendalian Amanah Saham Nasional Berhad, (ASNB) anak syarikat milik penuh PNB. ADAM50 ini melibatkan dua tabung iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi bayi Bumiputera dan Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) bagi bayi bukan Bumiputera.

Sebelum ini, dana-dana unit amanah ASNB sememangnya dibuka untuk individu seawal usia enam bulan tetapi kini dengan ADAM50, setiap bayi Malaysia yang lahir dalam tahun 2018-2022 akan memiliki satu akaun dengan unit insentif permulaan daripada Kerajaan dan PNB. 200 unit insentif dan semua dividen yang diperolehi bagi jumlah permulaan ini hanya boleh dikeluarkan setelah anak mencapai usia 18 tahun.

Di samping itu, sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan pelaburan tambahan ke dalam akaun bayi tersebut, ibu bapa atau penjaga boleh membuat pelaburan tambahan ke dalam akaun AS1Malaysia bagi bayi bukan Bumiputera sehingga had maksimum 50,000 unit. Bagi bayi Bumiputera pula, pihak PNB bercadang untuk meningkatkan had pelaburan Akaun Remaja ASB daripada 50,000 unit kepada 200,000 unit, tertakluk kepada keperluan pematuhan.

Pengerusi Kumpulan PNB, YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, "PNB amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam usaha menggalakkan budaya menabung dan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kos keseluruhan ADAM50 yang akan dilaksanakan selama lima tahun bermula 2018 sehingga 2022 ini dianggar mencecah RM560 juta dan akan memanfaatkan kira-kira 2.8 juta bayi Malaysia."

Maklumat lanjut berkenaan ADAM50 akan diumumkan semasa pelancaran kelak.

## **INISIATIF PNB-SEDIC**

Dua lagi inisiatif PNB bersama Kerajaan, khususnya Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India, Jabatan Perdana Menteri (SEDIC), untuk meningkatkan pelaburan masyarakat India warganegara Malaysia ialah skim pelaburan khas golongan berpendapatan rendah (B40) dan skim pelaburan tambahan untuk masyarakat India.

Skim yang pertama ialah skim pinjaman pelaburan khas yang memberi peluang kepada 100,000 peserta dari golongan B40 memohon pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 untuk tujuan melabur dalam Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) di bawah kendalian ASNB. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk tempoh lima tahun bagi skim pinjaman pelaburan khas ini.

Bagi skim yang kedua, PNB akan turut membuka sebanyak 1.5 bilion unit tambahan AS 1Malaysia untuk memberi peluang kepada masyarakat India menambah pelaburan dalam tabung unit amanah tersebut, sehingga had maksimum 30,000 unit bagi setiap pelabur, selagi unit tambahan masih ada untuk dilanggan.

Maklumat lanjut mengenai kedua-dua skim akan dimaklumkan kelak oleh SEDIC sebagai unit yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek tersebut.

- Tamat -

### **Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang turut memiliki syarikat pengurusan unit amanah iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Amanah Mutual Berhad (AMB). PNB mempunyai aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM268 bilion berbanding hanya 3.5 bilion pada tahun 1981. Menerusi Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022, PNB yang diterajui oleh pimpinan baharu memacu ke hadapan untuk mengekalkan prestasinya dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan seterusnya mencapai visi sebagai sebuah **Institusi Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia**. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1978 untuk menguruskan Tabung-Tabung yang dilancarkan oleh PNB. Kini, ASNB memiliki 10 Tabung termasuk enam tabung harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham 1Malaysia (AS 1 Malaysia), dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2). Empat tabung selebihnya merupakan tabung harga berubah yang dikenali sebagai Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG). ASNB kini mempunyai 30 cawangan dan 2,235 ejen di seluruh negara. Sila rujuk laman web untuk maklumat lanjut di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

***Untuk pertanyaan media, sila hubungi:***

- 1. Aimi Aziz, Naib Presiden, Jabatan Komunikasi | [aimiaziz@pnb.com.my](mailto:aimiaziz@pnb.com.my) | 019-221 7007*
- 2. Kaneskumar Supramaniam, | [kaneskumar@pnb.com.my](mailto:kaneskumar@pnb.com.my) | 011-23547192*